

# FACE kaji kesan pelepasan CO<sub>2</sub>

**P**ERUBAHAN cuaca, peningkatan suhu dan gas rumah hijau iaitu gas karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) terus menjadi isu masa kini dan keadaan tersebut dilihat tidak dapat dielak kerana berlaku di seluruh dunia.

Walau bagaimanapun, beberapa kajian khas perlu dijalankan bagi mengetahui kesannya terhadap alam sekitar terutama hutan yang khusus di negara-negara tropika seperti Malaysia.

Untuk itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) berkaitan kerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang ekologi hutan tropika.

Dalam pada itu, kedua-duanya turut merasmikan projek kajian sistem Free Air CO<sub>2</sub> Enrichment (FACE) di Stesen Penyelidikan FRIM, Jengka, Pahang.

Menurut Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod, penyelidikan sistem

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD  
ashriq.ahmad@gmail.com

FACE itu nanti, apa yang diharapkan adalah lebih banyak maklumat dan pemahaman yang lebih baik berkenaan hutan tropika dalam jangka masa panjang akan diperoleh.

"Antaranya adalah persoalan kesan perubahan iklim yang berlaku ke atas ekosistem hutan khususnya pada hutan pengeluaran."

"Keberhasilan kajian ini dijangka dapat membantu kerajaan dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) membentuk langkah-langkah adaptasi untuk melindungi hutan dari kesan perubahan iklim," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pelancaran projek penyelidikan tersebut di Jerantut, Pahang baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis tersebut adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan

Inovasi) UKM, Prof. Dr. Mohd. Ekhwan Toriman dan Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, Datuk Mohd. Paiz Kamaruzaman.

Jelas Dr. Mohd. Ekhwan, sistem FACE pada awalnya dipelopori penyelidik UKM dalam skala yang kecil di universiti tersebut.

"Penyelidikan awal FACE adalah bagi mendapatkan maklumat terhadap peningkatan kesan gas CO<sub>2</sub> ke atas ekosistem hutan."

"Projek penyelidikan yang bakal dijalankan oleh penyelidik UKM dan FRIM dilihat dapat memberi maklumat bagaimana ekosistem hutan beradaptasi terhadap peningkatan gas rumah hijau, terutamanya gas CO<sub>2</sub>," katanya.

Tambahnya lagi, sistem FACE adalah suatu sistem bagi membolehkan CO<sub>2</sub> disuntik secara bebas kepada ekosistem hutan yang mana nasib gas CO<sub>2</sub> tersebut mungkin akan diserap oleh tumbuhan, atau diserap ke dalam tanah, atau hilang begitu saja.

Kesan daripada penyelidikan tersebut akan melibatkan pemantauan jangka panjang dari aspek ekologi, fisiologi dan aspek-aspek lain yang berkaitan



DR. ABD. LATIF MOHMOD (empat dari kiri) bertanyakan sesuatu berkenaan teknologi kendaraan tanpa pemandu (UAV) pada salah seorang pempamer.



STRUKTUR khas yang dibina bagi melancarkan proses pelepasan gas karbon dioksida di Stesen Penyelidikan FRIM (SPF), Jengka, Pahang.

AZIAN MOHTI (depan) menunjukkan cara melepaskan gas karbon dioksida dalam bilik khas yang dibina.

besar.

Pembinaan infrastruktur FACE di Kompartmen 84, Hutan Simpan Tekam, Jerantut, Pahang bermula pada Oktober 2016 dan siap dipasang pada 12 Februari lalu.

Lokasi tersebut dipilih kerana ia melibatkan hutan pengeluaran dan pengurusan hutan yang sebenar, sekali gus boleh menjadi contoh kepada kawasan yang lain.

Bagi UKM pula, projek tersebut di ketuai Timbalan Pengarah Institut Perubahan Iklim UKM, Prof. Dr. Mohd. Nizam Mohd. Said.

FACE

digunakan untuk mengkaji adaptasi habitat hutan di kawasan tertentu terhadap perubahan tahap karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) bagi mengetahui kesan penambahan CO<sub>2</sub> kepada ekosistem hutan.

Melalui sistem ini, penyelidik dapat memantau tumbesaran dan produktiviti hutan terhadap pertambahan CO<sub>2</sub>, serta menjalankan kajian mengenai tindak balas binatang, fisiologi tumbuhan, fenologi, tanah, mikrob dan biji benih dalam keadaan yang sama.

Melihat kepada potensi kajian tersebut yang dilihat dapat membantu melestarikan hutan negara, FRIM tampil

suhu, kelembapan dan kelajuan angin untuk menjana data dalam analisis adaptasi hutan nanti," katanya.

Selain kajian berkaitan pelepasan gas CO<sub>2</sub> ke persekitaran hutan, menerusi MoU tersebut terdapat beberapa bidang kajian yang turut dijalankan.

Antara bidang kerjasama dalam MoU tersebut termasuklah antaranya penyelidikan berkaitan ekologi hutan tropika, penyelidikan dalam kesan perubahan iklim terhadap ekosistem hutan, pembinaan kapasiti dan pembangunan modal insan serta menjalankan aktiviti kerjasama lain seperti mana diputuskan bersama oleh kedua-dua pihak.

Daripada sistem FACE itu diharap lebih banyak maklumat dan pemahaman yang lebih baik tentang hutan tropika dalam jangka masa panjang akan diperoleh terutama dalam beberapa persoalan perubahan iklim yang berlaku dalam ekosistem hutan khususnya hutan pengeluaran.

"Keberhasilan atau outcome kajian ini dijangka dapat membantu kerajaan dan Jabatan Perhutanan membentuk langkah-langkah adaptasi untuk



DR. ABD. LATIF menarik tirai papantanda simbolik merasmikan tapak penyelidikan FACE di Jengka, Pahang, baru-baru ini.